



Working Paper No. 32, May 2009

**LANSKAP POLITIK SARAWAK PASCA-PRU12:
*PLUS CA CHANGE***

Neilson Ilan Mersat & Noor'ain Aini

Working Paper Series

**Faculty
of
Social Sciences**

LANSKAP POLITIK SARAWAK PASCA-PRU12: *PLUS CA CHANGE*¹

Neilson Ilan Mersat² dan Noor'ain Aini³

Fakulti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

*We won 30 out of 31 seats because no ethnic group feels discriminated against” said Taib.*⁴

*Sepemansai pan batu chanai enti enda dipumai nadai meh bulih padi, segantang pan batu lua kenyalang enti enda ditandangka nyerang enda meh ngasuh berani.*⁵

Pengenalan

Pilihanraya merupakan unsur penting demokrasi. Pilihanraya boleh dianggap medan bagi rakyat memberi keabsahan kepada sekelompok individu untuk memerintah negara berdasarkan bentuk pemerintahan yang telah dipersetujui. Pokoknya, kerajaan demokrasi mestilah lahir dari sesuatu pilihanraya yang bebas dan adil (Huntington, 1997). Namun demikian, bukan semua kerajaan yang dilahirkan oleh proses demokrasi memerintah secara demokratik. Sering kedengaran dua pandangan yang agak berbeza tentang pilihanraya-pilihanraya di Malaysia. Menurut satu pandangan, pilihanraya yang diadakan di Malaysia adalah bukti bahawa Malaysia sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Namun menurut padangan yang lain,

¹ Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Politik Malaysia pada 28-30 Oktober 2008 di Universiti Teknologi Mara Sabah.

² Dr Neilson Ilan Mersat adalah Ketua Jabatan Politik dan Hubungan Antarabangsa di Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.

³ Noor'ain Aini adalah pensyarah di Jabatan Politik dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.

⁴ Kata-kata Taib Mahmud ketika diminta mengulas tentang kemenangan BN pada pilihanraya umum ke dua belas di Sarawak (*Borneo Post*, 8 April 2008).

⁵ Perumpamaan dalam bahasa Iban ini diluahkan oleh seorang pengundi semasa ditemubual di Saratok pada 4 Mac 2008. Menurut beliau, mandat besar yang mereka berikan pada pilihanraya Dewan Undangan Negeri 2006 dan pilihanraya umum 2008 tidak bermakna sekiranya tidak digunakan untuk menyumbangkan pembangunan kepada mereka yang berada di kawasan luar bandar. Janganlah ibarat perumpamaan tersebut di mana seorang pahlawan yang mempunyai azimat tetapi tidak pandai menggunakan azimatnya itu semasa berperang, maka beliau tidak mendapat apa-apa manfaat.